

## **Kanser Ovari**

Terdapat lima jenis kanser yang memberi kesan kepada organ-organ pembiakan wanita: (1) serviks, (2) ovari, (3) rahim, (4) faraj, dan (5) vulvar. Kumpulan kanser tersebut juga dikenali sebagai karsinogenic. (Jenis yang ke-enam dalam kumpulan kanser gynecologic yang sangat jarang ditemui adalah kanser saluran fallopian)

Lembaran informasi mengenai kanser ovari ini didapati daripada Pusat untuk Penyakit Kawalan dan Pencegahan ini (CDC) tentang "Inside Knowledge": Kempen untuk mendapatkan Fakta Mengenai Kanser Gynecologic. Kempen ini bertujuan untuk membantu wanita mendapatkan pengetahuan mengenai kanser gynecologic, menyediakan "pengetahuan dalaman" yang penting tentang badan dan kesihatan mereka.

### **Apa itu kanser ovari?**

Kanser adalah penyakit dimana sel-sel dalam badan tumbuh di luar kawalan. Kanser sentiasa dinamakan atas nama organ yang pertama kali dijangkiti, walaupun ianya akan merebak ke bahagian organ-organ yang lain di kemudian hari. Apabila kanser bermula di dalam ovari, ia dipanggil kanser ovari. Wanita mempunyai dua ovari yang terletak dipelvis, satu pada setiap sisi rahim. Ovari membuat hormon wanita untuk menghasilkan ovum. Rawatan perubatan adalah sangat berkesan apabila kanser ovari didiagnosis pada peringkat awal.

### **Apakah yang menyebabkan wanita menghadapi kanser ovari?**

Tidak ada cara untuk mengetahui dengan pasti bila anda akan mendapat kanser ovari. Kebanyakan wanita mendapat kanser ovari tanpa risiko yang tinggi. Walau bagaimanapun, faktor-faktor berikut boleh meningkatkan risiko wanita untuk kanser ovari:

- Berada pada pertengahan umur atau lebih tua.
- Mempunyai ahli keluarga terdekat (seperti ibu, kakak, makcik, atau nenek) sama ada sebelah ibu atau sebelah bapa anda yang menderita kanser ovari.
- Mempunyai kanser payudara, kanser rahim, atau kanser kolorektal.
- Tidak pernah melahirkan anak atau mempunyai masalah untuk mengandung.
- Mempunyai endometriosis (keadaan di mana tisu daripada lapisan dinding rahim tumbuh di tempat lain).

Jika anda mempunyai satu atau lebih daripada faktor-faktor tersebut, ia tidak bermakna anda akan mendapat kanser ovari. Tetapi anda harus memberitahu dengan doktor, jururawat, atau penjaga kesihatan yang lain mengenai risiko anda.

### **Siapa yang mendapat kanser ovari?**

Semua wanita mempunyai risiko untuk mendapat kanser ovari, tetapi wanita yang berumur lebih cenderung mendapat penyakit ini daripada wanita muda. Dianggarkan 90 peratus daripada wanita yang mendapat kanser ovari adalah wanita yang berumur lebih daripada 40 tahun, tetapi jumlah terbesar kanser ovari berlaku dikalangan wanita berusia 60 tahun keatas.

Setiap tahun, kira-kira 20,000 wanita di Amerika Syarikat menderita kanser ovari. Dikalangan wanita di Amerika Syarikat, kekerapan kanser ovaria adalah berada ditangga kelapan dan penyebab kelima kematian berkaitan dengan kanser.

### **Apakah tanda-tanda dan gejala kanser ovari?**

Kanser ovari boleh menyebabkan satu atau lebih daripada tanda-tanda dan gejala berikut:

- Pendarahan faraj (terutamanya jika anda telah menopaus) atau keluar keputihan yang berlebihan.
- Sakit atau tekanan di dalam pelvis atau kawasan abdomen (kawasan di bawah perut anda atau diantara bahagian tulang pinggul anda).
- Sakit belakang.
- Kembung, dimana kawasan bawah perut anda membengkak atau terasa penuh.
- Cepat rasa kenyang semasa makan.
- Perubahan tabiat anda dalam bilik mandi, seperti membuang air kecil yang sangat kerap, sembelit atau cirit-birit.

Berilah perhatian kepada diri anda dan ambil tahu apa yang normal untuk badan anda. Jika anda mempunyai pendarahan faraj yang tidak normal untuk anda, jumpa doktor dengan kadar segera. Jika anda mempunyai tanda-tanda yang disebutkan diatas selama dua minggu atau lebih, sila berjumpa doktor. Gejala-gejala ini mungkin disebabkan oleh sesuatu yang bukan kanser, tetapi satu-satunya cara untuk mengetahui adalah dengan berjumpa doktor anda. Rawatan adalah yang paling berkesan apabila kanser ovari ditemui dan dirawat diperingkat awal.

### **Bagaimana saya boleh mencegah kanser ovari?**

Tiada cara yang diketahui untuk mengelakkan kanser ovari. Tetapi perkara-perkara berikut boleh mengurangkan risiko anda untuk mendapat kanser ovari:

- Menggunakan pil perancang keluarga selama lebih daripada lima tahun.
- Pembedahan tubal ligasi, pembedahan dengan membuang kedua-dua ovarii, atau histerektomi (operasi di mana rahim, dan kadang-kadang serviks dikeluarkan).
- Melahirkan anak.

### **Adakah terdapat pemeriksaan yang boleh mengesan kanser ovari pada tahap awal?**

Tidak ada cara yang mudah dan boleh dipercayai untuk mengesan kanser ovari pada wanita yang tidak mempunyai apa-apa tanda-tanda atau gejala. Ujian Pap smear tidak menyaring kanser ovari. Satu-satunya kanser yang disaring oleh Ujian Pap smear adalah kanser serviks. Walau bagaimanapun, di sini terdapat langkah-langkah yang anda boleh ambil:

- Beri perhatian kepada badan anda dan tahu apa yang normal untuk anda.
- Jika anda mendapati adanya perubahan yang tidak normal pada badan anda dan tanda – tanda tersebut mungkin berkaitan dengan kanser ovari, bercakaplah dengan doktor dan tanyalah tentang punca perubahan badan yang tidak normal, seperti kanser ovari.

- Tanya doktor, adakah anda perlu menjalani ujian seperti pemeriksaan pelvikrectovaginal, ultrasoundtransvaginal, atau ujian darahCA-125:
  - ✓ Jika anda mempunyai tanda penyakit yang tidak dapat dikesan atau gejala kanser ovarи, ujian-ujian ini dapat membantu untuk mengesahkan yang anda tidak menderita kanser ovarи.
  - ✓ Jika anda mempunyai kanser payudara, kanser rahim, atau kanser kolorektal; atau saudara rapat yang menghidap kanser ovarи.

**Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya doktor kata saya mempunyai kanser ovarи?**

Jika doktor mengatakan bahawa anda mempunyai kanser ovarи, mintalah untuk dirujuk kepadapakar gynecologic onkologi, doktor yang telah dilatih untuk merawat kanser seperti ini. Doktor ini akan bekerjasama dengan anda untuk mewujudkan satu pelan rawatan.

**Diterjemah oleh :**

Pn. Norsidawati Abdul Gani

**Disemak oleh:**

Dr. Andi Anggeriana Andi Asri  
Pakar Obstetrik dan Ginekologi